



Peguam Datuk Geethan Ram Vincent

Langgar PKP, denda saja memadai



Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my (mailto:ajohari@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Hukuman denda sahaja sudah memadai untuk dikenakan kepada pesalah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Selain itu, pihak polis, Pendakwa Raya dan mahkamah dicadangkan menggunakan budi bicara dalam setiap kes terhadap pesalah yang ingkar, bergantung kepada fakta dan keadaan.

Peguam Datuk Geethan Ram Vincent, berkata kebanyakan pesalah pelanggaran PKP mengaku salah pada peringkat awal, oleh itu mahkamah perlu mengambil kira faktor berkenaan dalam menjatuhkan hukuman.

Beliau berkata, hampir kesemua mereka juga adalah pesalah pertama, dan ia adalah satu faktor mitigasi (diringankan hukuman) yang perlu diambil kira.

“Pelbagai nas menyatakan bahawa pesalah pertama sebolehnya tidak dihantar ke penjara untuk mengelakkan mereka bercampur dengan pesalah lain.

“Undang-undang memperuntukkan budi bicara yang boleh digunakan dalam menjatuhkan hukuman...Ya, ia kesalahan serius, tetapi hukuman perlu sesuai dengan mengambil kira semua faktor.

“Oleh itu hukuman denda sahaja adalah wajar,” katanya ketika dihubungi BH hari ini.

Individu yang melakukan kesalahan pelanggaran PKP boleh didakwa mengikut Seksyen 3(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

Hukuman adalah mengikut Seksyen 7(1) yang memperuntukkan denda maksimum RM1,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Geethan berkata faktor lain yang perlu diambil kira ialah masalah kesesakan dalam penjara di mana pesalah PKP tidak akan diasingkan daripada pesalah yang lain.

Beliau berkata, situasi itu amat berisiko menyebabkan penularan wabak di dalam penjara yang menempatkan ribuan banduan yang boleh menjadikan keadaan sukar dikawal.

“Perkara terakhir yang kita tidak mahu ialah virus itu menjangkiti keseluruhan penghuni penjara,” katanya.

Peguam itu turut menimbulkan persoalan mengenai pesalah yang tidak mampu membayar denda dengan mengambil contoh pekerja buruh warga asing yang meminta supaya dikenakan hukuman penjara.

Katanya, oleh itu budi bicara perlu diambil kira bagi mengelakkan penularan di penjara dan penguatkuasaan melalui kehadiran polis serta tentera adalah memadai bagi mengelakkan orang ramai daripada melanggar perintah PKP.